

MyDIGITAL perkasa hidup setiap rakyat

Kerajaan tingkat literasi digital, wujudkan 500,000 peluang pekerjaan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin,
Mohd Nasaruddin Parzi
dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Inisiatif MyDIGITAL berhasrat memperkasaikan setiap rakyat Malaysia, dari Perlis ke Sabah untuk memperbaiki kehidupan mereka dalam setiap aspek.

Antaranya, ia dijangka membuka 500,000 peluang pekerjaan dalam ekonomi digital menerusi gabungan inisiatif dan sasaran merentasi tiga fasa pelaksanaan hingga 2030.

Selain itu, rakyat dijangka mula menikmati teknologi 5G secara berperingkat menjelang akhir tahun ini, menjadikan Malaysia antara negara pertama di rantau ini yang membina ekosistem 5G menggunakan internet dan perkhidmatan awan dalam masa sebenar untuk membolehkan maklumat dikongsi serta-merta.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata inisiatif itu merangkumi idea dan pelan untuk meningkatkan literasi digital,

mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi, menjadikan urusan perbankan dan kewangan lebih mudah serta teratur, memberikan akses pendidikan secara maya kepada anak serta membawa kemudahan perubatan ke pekan terpencil.

“Ia juga pelan hala tuju transformasi digital yang mampu mengupayakan sektor perniagaan untuk bersaing di pentas global dengan memantapkan kelancaran dan kecekapan operasi mereka,” katanya pada Majlis Pelancaran MyDIGITAL & Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia secara e-dagang.

“Selain itu, inisiatif dibawakan MyDIGITAL dapat memangkinkan 5,000 syarikat peringkat permulaan atau ‘startups’ dalam masa lima tahun akan datang,” katanya.

Beliau berkata, inisiatif itu akan menjadi titik tolak menarik pelaburan baharu dalam sektor digital sebanyak RM70 bilion dari dalam dan luar negeri, seterusnya sasaran tahap produktiviti sektor ekonomi dijangka meningkat 30 peratus lebih tinggi berbanding hari ini menjelang 2030.

“Keupayaan untuk merebut peluang daripada teknologi dan model perniagaan inovatif, akan memainkan peranan penting dalam memacu enjin baharu pertumbuhan ekonomi negara,” katanya.

Menjelang 2025, katanya, ekonomi digital dijangka menyumbang



Teknologi 5G menyediakan aplikasi pemantauan kesihatan bagi pesakit kronik dalam ambulans dengan pantas.

bang 22.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

“Sementara itu, kerajaan juga akan menggalakkan sebanyak 875,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana menerima guna e-dagang.

“Selain itu, inisiatif dibawakan MyDIGITAL dapat memangkinkan 5,000 syarikat peringkat permulaan atau ‘startups’ dalam masa lima tahun akan datang,” katanya.

Beliau berkata, inisiatif itu akan menjadi titik tolak menarik pelaburan baharu dalam sektor digital sebanyak RM70 bilion dari dalam dan luar negeri, seterusnya sasaran tahap produktiviti sektor ekonomi dijangka meningkat 30 peratus lebih tinggi berbanding hari ini menjelang 2030.

“Bagi sektor awam pula, semua agensi akan menyediakan kemudahan transaksi tanpa tunai sebagai pilihan utama menjelang 2022,” katanya.

Mengulas lanjut mengenai teknologi 5G, Perdana Menteri berkata, ia bakal menjadi

“game-changer” kerana akan wujud lebih banyak perkhidmatan pintar yang membawa kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

“5G bukan sekadar menjenjangkan capaian internet lebih laju, tetapi lebih penting daripada itu, ia memungkinkan pelbagai aplikasi penting berada dalam genggaman pengguna, termasuk aplikasi pemantauan kesihatan bagi pesakit kronik, bantuan kecemasan pintar dan aplikasi khas bagi warga emas yang tinggal bersendirian,” katanya.

Muhyiddin berkata, semua syarikat telekomunikasi berlesen dijangka mendapat akses infrastruktur sama rata, dalam memastikan perkhidmatan 5G kepada pelanggan.

“Perkongsian kos infrastruktur ini membolehkan syarikat telekomunikasi menjana pulangan lebih tinggi dan seterusnya dapat memberikan khidmat 5G lebih baik dan murah kepada pengguna.

“Keadaan ini akan melonjakkan penggunaan 5G dan meningkatkan keupayaan ekonomi dalam mencetuskan lebih banyak inovasi produk dan perkhidmatan,” katanya.

Beliau menggesa semua pihak berkepentingan untuk mengadaptasi secepat mungkin dalam menghadapi cabaran sebuah negara yang terhubung dalam menghadapi kemunculan ekosistem digital masa depan.

“Saya berharap rakyat dapat memanfaatkan teknologi digital ini sepenuhnya dan cekal mendepani peralihan ke ekonomi digital. Walaupun sektor awam dan swasta mungkin memainkan peranan yang berbeza, kita harus tetap senada dan sehaluan.

“Saya yakin kerangka dasar yang merangkumi pembentukan infrastruktur, memperjelasan kawal selia serta pemudah cara pembentukan ekosistem, akan dapat memberi negara, hala tuju yang diperlukan untuk merealisasikan visi digital ini,” katanya.